

# Minat bersama memupuk kasih



**ZAITON MAT AMIN** bersama suami, **Muda Mamat** semasa menghabiskan percutian di luar negara.

Oleh **TENGGU FAUZIAH NGAH**

**A**DA yang beranggapan pasangan serasi yang semakin lama menjalani kehidupan bersama dalam suasana bahagia, wajah mereka tanpa disedari akan semakin seiras pada pandangan orang lain.

Mungkin ada benarnya apabila melihat Toh Puan Zaiton Mat Amin, 59, dan suaminya, Datuk Muda Mamat, 65. Malah pasangan yang turut berkongsi minat dalam dunia politik dan kemasyarakatan ini kelihatan lebih muda daripada usia sebenar.

Zaiton yang berasal dari Kampung Atas Tol Marang menjadi isteri ketika usia mencecah 21 tahun dan selepas setahun berkahwin, suaminya yang ketika itu berusia 27 tahun menjadi wakil rakyat dan dilantik sebagai anggota Exco Kerajaan Negeri.

Lebih mesra disapa dengan panggilan Kak Ton dalam kalangan warga muda dan tua, beliau menceritakan, perubahan kehidupan yang dilalui sebagai isteri kepada pemimpin masyarakat dan negeri bukanlah suatu kejutan, sebaliknya ia memberikan lebih banyak kesempatan untuknya mendekati penduduk.

"Ketika itu, saya sudah pun aktif dalam pertubuhan sukarela dan politik. Selaku anak kampung, tidaklah kekok untuk menyesuaikan diri bergaul dengan masyarakat dan menyelami kehidupan mereka," ujar anak keenam daripada tujuh beradik itu.

Kak Ton pernah dilantik sebagai Senator pada tahun 2012 sehingga 2015 dan kini beliau masih memegang jawatan Ketua Wanita UMNO Bahagian Marang, selain menyandang jawatan Exco Wanita UMNO Malaysia.

Di samping itu, Kak Ton turut memimpin beberapa badan termasuk Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Daerah Marang, Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Marang.

Suaminya pula yang juga bekas Ketua UMNO Bahagian Marang masih turut aktif dalam kerja-kerja kemasyarakatan, selain memberi tumpuan terhadap bidang perniagaan.

Dalam kesibukan mengimbangi peranan terhadap keluarga dan masyarakat, katanya, segala yang dilakukan tidak



**KELUARGA** bahagia Zaiton Mat Amin (duduk dua dari kanan) dan suami, **Muda Mamat** (duduk dua dari kiri) bersama anak, menantu dan cucu.



**Saya bersyukur kami dapat berkongsi minat yang sama, walaupun terpaksa berkorban masa, tenaga dan belanja."**

## **ZAITON MAT AMIN**

menimbulkan banyak persoalan jika dilakukan secara ikhlas dan rasa tanggungjawab dengan amanah dan kepercayaan yang diberikan.

"Kami tidak merasa terbeban, malah menambahkan kegembiraan, apatah lagi dapat melakukan kebaikan kepada orang lain.

"Saya bersyukur kami dapat berkongsi minat yang sama, walaupun terpaksa berkorban masa, tenaga dan belanja," ujarnya.

Menurut beliau, aktiviti dalam bidang sukarela telah sehati dan tidak dapat dipisahkan lagi, apatah lagi mereka berkongsi minat yang sama sejak di bangku sekolah.

Mengimbas kembali perkenalan dengan suaminya, yang berasal dari Kampung Jerung Seberang, Marang, ia bermula ketika dia belajar di sebuah sekolah agama di Kuala Terengganu.

"Ketika itu, suaminya merupakan seorang penuntut

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang turut mengendalikan kelas tambahan di sekolah. Saya tertarik melihat sikapnya.

"Kami masih berhubung selepas tamat persekolahan. Tidak dinafikan peranan orang tengah, Haji Nasir yang begitu bersungguh-sungguh untuk menyatukan kami berdua, akhirnya membuahkan hasil. Kata Haji Nasir, kami berdua memang sepadan.

"Apatah lagi, Datuk Muda juga begitu pandai mengambil hati kedua ibu bapa dan sering berkunjung ke rumah apabila balik bercuti dan ketika bertugas sebagai pegawai tadbir selepas tamat pengajian di UKM," ujar beliau.

Akhirnya pada tahun 1977 termeterai ikatan janji untuk sehidup dan semati. Keharmonian rumah tangga mereka kini diserikan dengan enam cahaya mata iaitu dua lelaki dan empat perempuan serta enam cucu.

Walaupun masa untuk bersama pasangan dan keluarga masih perlu dibahagikan dengan lain-lain urusan, namun ia tidak merencatkan kebahagiaan mereka.

"Masa terluang dipenuhi dengan bercuti bersama keluarga sama ada di dalam negeri atau luar negara dan masa sebegini sangat bermakna," ujarnya yang baharu sahaja pulang mengerjakan umrah.